



Ketika itu, M Amin sudah bekerja di studio Malay Film Productions sebagai kerani dan penterjemah skrip tetapi secara tiba-tiba suatu hari, L Krishnan mahukan beliau untuk menjayakan satu babak tarian dalam filem itu. Beliau yang terkejut dengan tawaran itu terpaksa menerimanya biarpun ketika itu seumur hidupnya tidak pernah menari.

#### **Watak kecil**

Selepas itu, M Amin terus ditawarkan watak kecil dalam beberapa filem lain. Pada tahun itu juga beliau diberi peluang membawa peranan utama atau hero dalam filem *Kembar* arahan S Ramanathan terbitan Malay Film Productions. Ketika itu beliau berusia 26 tahun, digandingkan dengan heroinnya, Mariam, juga pelakon baru. Mariam ialah adik kepada seniwati Saadiah.

Jasa dan sumbangan bakti M Amin dalam sejarah perfileman Melayu begitu besar. Namun, sejak 'ketiadaannya', nama M Amin bagaikan sudah dilupakan sama ada oleh pihak industri filem mahupun masyarakat. Tidak banyak pihak termasuk media massa memberi perhatian dan mengangkat perjalanan seni aktor dan sutradara ini menyebabkan namanya seolah-olah terus tenggelam dimamah zaman dan seterusnya merugikan

jaya itu tidak sesuai lagi dengannya dan berminat pula untuk menjadi kelasi kapal. Dia ke Singapura untuk bekerja sebagai kelasi kapal di sebuah syarikat perkapalan di republik itu, namun juga tidak lama kerana terpakat pula pada tawaran iklan untuk menjadi pelakon di studio Malay Film Productions.

Selepas menghadiri temu duga sebagai pelakon, beliau gagal. Disebabkan latar pendidikan yang baik, dia dilantik sebagai kerani dan kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai ketua kerani. Jawatan tinggi yang dipegang memberi peluang kepadanya untuk mengembangkan bakat lakonan bermula sebagai pelakon tambahan dan seterusnya pelakon pembantu.

Dari situ Amin mula berusaha untuk membaiki mutu lakonannya dan mula memikat pengaruh seperti L Krishnan, B N Roa, B S Rajhans dan Hussein Haniff untuk terus menawarkan peluang berlakon. Antara filem lakonannya sebagai pelakon utama termasuk filem *Serangan Orang Minyak*, *Hang Jebat*, *Sultan Mahmud Mangkat Di Julang*, *Dang Anom*, *Wan Perkasa* dan banyak lagi.

#### **Badan tegap**

Disebabkan memiliki badan

yang tegap, maka wataknya yang sering diberikan kepadanya juga adalah sebagai sultan ataupun panglima. Tentu masih diingat pertarungan panjang antara watak Tuah lakonan M Amin dengan Jebat lakonan Nordin Ahmad dalam filem *Hang Jebat* arahan Hussein Haniff pada 1962. Babak pertarungan mereka dalam filem itu begitu menarik, sarat kemahiran seni persilatan Melayu dan ia dianggap sebagai antara babak aksi silat yang menarik dalam filem Melayu kerana meninggalkan kesan mendalam.

M Amin sendiri mengakui ketika melakonkan babak pertarungan itu, hatinya tersentuh apabila Nordin Ahmad sebagai Jebat melutut dan meminta maaf kepadanya. Lakonannya sebagai panglima Melayu, *Hang Tuah* menjadikannya antara lima pelakon yang pernah memegang watak terbabit iaitu Tan Sri P Ramlee menerusi filem *Hang Tuah* (1956), Jamal Abdullah (*Tuah*/1990), Datuk Jala-luddin Hassan (*XX Ray*/1992) dan Datuk M Nasir (*Puteri Gunung Ledang*/2005).

Malah, lakonannya juga banyak memberi kesan kepada penonton seperti filem *Cinta Gadis Rimba* arahan L Krishnan yang diadaptasi daripada novel Harun Aminurashid yang membawa kisah pemuda

# Pernah jadi polis trafik

Oleh Mohd Aizat Shamsuddin  
mohdaizat@bharian.com.my

» Cucu Datuk Merah, <sup>B/H</sup> <sup>13/1/13</sup>  
**Lancang Kuning bukti kehebatan M Amin sebagai pengarah filem** <sup>MS 18</sup>

“Selagi usia panjang, selama itu jugalah saya akan berjuang dalam dunia seni yang tiada titik penghentiannya.” Itulah antara kata-kata yang pernah diucapkan seniman M Amin tatkala dia masih mahu terus berlakon ketika beraksi dalam filem *Paloh* pada 2002, sekali gus itulah filem terakhir lakonannya sebelum meninggal dunia setahun selepas itu.

*Paloh* arahan Adman Salleh ialah filem terbitan kerajaan menerusi Filem Negara Malaysia (FNM) dan FINAS.

M Amin bertuah kerana

dikurniakan Allah usia yang panjang dan pada usia 79 tahun, beliau pergi buat selama-lamanya. Pada 8 Januari lalu, genaplah sedekad Allahyarham meninggal dunia, sekali gus meninggalkan legasi perfileman yang menjadi khazanah warisan seni budaya Melayu menerusi beberapa filem hebat arahnya seperti *Lancang Kuning*, *Cucu Datuk Merah*, *Tajul Ashikin*, *Patong Cendana* dan *Satu Titik Di Garisan*.

Saat hayatnya, lebih dua pertiga keseluruhan hidup M

Amin atau nama sebenarnya Muhammad Amin Ikhsan diabadikan kepada dunia seni Melayu, sejak mula berkecimpung dalam lakonan pada 1950. Namun, peminatnya mungkin tidak tahu, sebelum terkenal menjadi pelakon filem Melayu pada era 1950-an, sebenarnya M Amin terlebih dulu menjadi pelakon dengan tawaran sebagai watak penari. Itulah peranan yang pernah dipegangnya sebagai pelakon tambahan dalam filem *Bakti* pada 1950.

generasi muda sekarang yang seharusnya mengambil inspirasi daripada perjuangan Allahyarham.

M Amin bukan saja dikenali sebagai pelakon tapi turut aktif dalam bidang pengarah di studio Cathay-Keris dengan filem pertamanya berjudul *Lancang Kuning* pada 1962 yang menggandingkan pelakon Nordin Ahmad dan Latifah Omar. Sepanjang pembabitannya sebagai pengarah, beliau mengarah 38 filem yang kebanyakannya diterbitkan Cathay-Keris. Malah filem arahnya tidak dalam genre yang sama sebaliknya dia berani untuk mencuba pelbagai genre lain.

## Kelasi kapal

Menyentuh pembabitan awal M Amin dalam bidang lakonan, semuanya bermula selepas dia ke studio Malay Film Productions di Jalan Ampas, Singapura untuk menghadiri temu duga sebagai pelakon. Cita-citanya ingin menjadi pelakon begitu kuat sehingga kerjayanya sebelum ini dirasakan bagaikan tidak sesuai dengan jiwanya.

Pada usianya 16 tahun, M Amin sudah diterima menjadi anggota polis di bawah pemerintahan kerajaan British. Beliau menjadi polis di bahagian trafik. Namun, beberapa tahun selepas selepas itu, dia berasakan ker-

Bersama trofi Anugerah Khas Juri (**Filem Tragedi Drama Terbaik**) di Festival Filem Asia 1973 menerusi judul *Satu Titik Di Garisan*.







Aksi M Amin di kerusi **pengarah** ketika **mengarah** satu filem pada 1964 di Cathay-Keris, Singapura.

- ⊙ Muda dan Muda
- ⊙ Muda Mudi
- ⊙ Patong Chendana
- ⊙ Ikan Mas
- ⊙ Srikandi
- ⊙ Aku Mahu Hidup
- ⊙ Puaka
- ⊙ Satu Titik Di Garisan
- ⊙ Semangat Ular
- ⊙ Harimau Jadian
- ⊙ Hati Batu
- ⊙ Hapuslah Airmata Mu
- ⊙ Pendekar
- ⊙ Bertunang



Bersama seniman Nordin Ahmad di set **penggambaran filem Lancang Kuning** pada 1962.

## INFO

⊙ Sebelum bergelar pelakon, **beliau pernah bekerja menjadi anggota polis trafik**, kelasi kapal, kerani dan penterjemah skrip filem.  
⊙ Filem pertama lakonannya ialah sebagai pelakon tambahan untuk watak penari dalam **filem Bakti arahan L. Krishnan** pada 1950. Ketika itu beliau berusia 26 tahun.  
⊙ Filem pertama arahnya berjudul **Lanchang Kuning** pada 1962 ketika

**beliau berusia 38 tahun.**  
⊙ Dilahirkan pada 12 Ogos 1924 di **Kampung Benang Panjang, Kuala Kangsar**, Perak dan meninggal dunia pada 8 Januari 2003 di Taman Ibu Kota, Kuala Lumpur.  
⊙ Filem lakonannya yang masih belum ditayangkan kepada orang ramai berjudul **Johnny Bikin Filem arahan Dr Anuar Nor Arai** terbitan Universiti Malaya pada 1995.

B/A 13/1/13 MS 19.

# Menderita diabetes

**Selepas** penutupan Cathay Keris pada awal 1970-an, M Amin beralih ke Studio Merdeka, Kuala Lumpur sejajar dengan ramai penggiat seni dari Singapura berhijrah ke Kuala Lumpur. Bersama Studio Merdeka, dia mengarahkan filem *Penyamun Si Bongkok*, *Satu Penentuan dan Pertiwi*, selain berlakon dalam filem *Rahsia Hatiku* arahan Naz Achnas.

Selepas itu beliau menyertai Sabah Film dan sempat mengarah filem *Hapuslah Airmatamu*, *Pendekar*, *Kisah Seorang Biduan*, *Sumpah Semerah Padi*, *Manis-Manis Sayang*, *Bertunang* dan *Di Ambang Kasih*.

Era kemerosotan perfileman Melayu sekitar tahun 1970-80an turut menyebabkan M Amin turut ter-

kena tempiasnya menyebabkan beliau beralih ke dunia lakonan sepenuh masa dan menjadi penulis skrip.

M Amin mula menghidap penyakit kencing manis dan darah tinggi sejak 1996, dan keadaannya menjadi teruk selepas pulang daripada penggambaran drama *Akhir Seorang Seniman* arahan Mior Hashim Manap di Pulau Pinang. Tetapi semangatnya begitu kuat kerana cinta yang mendalam dalam dunia filem. Begitulah semangat seorang pejuang dalam bidang lakonan.

Ketokohan M Amin dalam bidang pengarah dan lakonan menyebabkan pihak industri dan juga institusi pengajian pernah

menganjurkan forum membincangkan hasil kerja filem yang pernah dihasilkan. Malah dalam kalangan penggiat filem juga, ada yang menjadikan M Amin sebagai mentor. Menghargai jasanya kepada industri perfileman Melayu, FINAS memberi penghargaan dengan mengabdikan namanya di Layar Bintang iaitu batu tanda kenangan di perkarangan Kompleks Studio Merdeka, Hulu Klang, sebagai simbolik mengingati sumbangan beliau dalam dunia perfileman sempena sambutan ulang tahun FINAS ke-22.

Allahyarham meninggal dunia akibat komplikasi penyakit diabetes dan darah tinggi.